

29/11/1999

Isu Spratly: Dua kod tatacara dikemuka

Faizal Fadzil in Manila

MANILA, Ahad - Asean dan China masih perlu meneruskan rundingan dalam usaha memastikan kod tatacara bagi menyelesaikan isu tuntutan bertindih Kepulauan Spratly menjadi kenyataan.

Ini kerana China juga mengemukakan kod tatacara bagi menyelesaikan masalah itu.

Sebelum ini, Asean sudah menyiapkan draf kod tatacara yang sama untuk dirundingkan bersama dengan China sempena Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Ketiga di sini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sidang kali ini berkata, walaupun Asean sudah menyiapkan draf kod tatacara itu, China turut menyusulkan kod tataranya sendiri.

Katanya, bagi memastikan kod itu dapat berfungsi dengan baik, ia perlu dipersetujui oleh semua pihak yang terbabit dalam tuntutan itu.

"Jadi masih perlu banyak perbincangan bagi membolehkan wujud satu persetujuan terhadap apa yang dikatakan sebagai kod tatacara bagi penyelesaian konflik di kepulauan Spratly," katanya.

Kepulauan Spratly kini sedang dituntut oleh beberapa negara Asia Timur termasuk Malaysia, Vietnam, Filipina, Taiwan dan China.

Ini menyebabkan wujud ketegangan berkala di kepulauan itu apabila ada pihak yang cuba mendirikan binaan di lokasi tertentu di kepulauan itu.

(END)